

23/01/2002

Pas sedia singkir guru hasut murid

PASIR MAS, Selasa - Pas sedia menyingkir mana-mana guru di pusat asuhan tunas Islam (Pasti) kendaliannya yang terbukti menghasut murid supaya membenci pihak tertentu.

Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata ini kerana tenaga pengajar Pasti diamanahkan supaya mendidik generasi muda asas pembelajaran iaitu menulis, mengaji dan mengenali Allah.

"Kita ajar mereka menulis, membaca al-Quran, berdoa dan kenal Allah sejak kecil lagi. Oleh itu, kita minta kerajaan buktikan mana yang tidak kena dengan corak pendidikan kelas Pasti kelolaan Pas.

"Jika betul ada guru menghasut (murid) membenci orang lain, kita pun tidak setuju dan kita sedia ketepikan guru macam itu," katanya selepas menemui mudir pondok Lubuk Tapah, di sini hari ini.

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilaporkan berkata, kerajaan mungkin melarang Pas mengendalikan taman didikan kanak-kanak (tadika) dan taman asuhan kanak-kanak Islam (taski) jika institusi itu terus mengajar kanak-kanak membenci pemimpin dan kerajaan dan bukan mengajar agama.

Perdana Menteri berkata, kajian akan dibuat sama ada untuk memperkenalkan undang-undang baru atau meminda undang-undang sedia ada bagi mengawal pembukaan tadika atau taski supaya matlamat penubuhannya tidak diselewengkan.

Bagaimanapun, Nik Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan, mendakwa tindakan kerajaan itu hanya tindakan politik Umno dan bertujuan mengabui rakyat.

"Apa yang dia (kerajaan) hendak tuduh, itu kerja dia. Dia boleh tengok kurikulum dan dia perlu buktikan benda mana yang salah sehingga dituduh membenci pemimpin kerajaan.

"Ini tidak lebih usaha mengabui mata rakyat seperti biasa. Sepatutnya kerajaan Malaysia berterima kasih kepada pihak yang mewujudkan kelas pendidikan untuk anak-anak kerana ia secara tidak langsung mengurangkan beban kerajaan.

"Kita gempur pemikiran masyarakat mewujudkan kelas Pasti supaya kanak-kanak tahu mengenai Islam sejak kecil lagi. Nabi Muhammad sendiri menyebut bahawa nasib hitam putih (masa depan) manusia bergantung kepada ibu bapa sendiri," katanya.

Sementara itu di ALOR STAR, Ketua Pemuda Pas, Mahfuz Omar, menafikan bahawa Pasti kelolaan parti itu menyemai budaya membenci kerajaan.

Beliau berkata, sepanjang pengetahuannya, tiada pusat seumpama itu di seluruh negara yang menanam sifat membenci kerajaan dan pemimpin tertentu kepada kanak-kanak dalam setiap pengajaran dan pembelajaran.

"Saya mempelawa sesiapa saja menjadi penuntut di Pasti bagi mencari bukti yang pusat itu menjadi tempat menyemai budaya berkenaan," katanya.

Mahfuz turut menjelaskan Pas hanya mengendalikan Pasti dan bukannya Taski atau Tadika.

(END)